

AMALAN KOLABORASI IBU BAPA DALAM PROGRAM PENDIDIKAN KHAS

Siti Hawa Togimin^a, Rosadah Binti Abd Majid^b

^aSekolah Kebangsaan Dato' Onn Jaafar

^bNational University of Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

E-mail: sitihawatogimin@gmail.com

Abstrak: Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk Kajian ini dilakukan bagi melihat amalan kolaborasi ibu bapa dalam program pendidikan khas di Simpang Renggam, Kluang. Kajian ini adalah berbentuk kajian campuran (mixed-method). Kajian kualitatif dijalankan dalam bentuk temubual manakala kajian kuantitatif dijalankan secara menghantar soalan kaji selidik. Instrument soalan soal selidik dan soalan temu bual telah di ambil daripada hubungan keluarga dengan sekolah (Family-School Relationships Survey guide. Dalam kajian ini terdapat kepada 8 bahagian untuk menjawab persoalan kajian. 1) Penglibatan ibu bapa, 2) Bentuk sekolah yang sesuai, 3) Sokongan keluarga, 4) Keberkesanan dalam keluarga, 5) Tingkah laku semasa belajar, 6) Penghalang kepada perhubungan, 7) Pandangan lain, dan 8) Soalan latar belakang. Responden kajian adalah diambil daripada 40 orang ibu bapa murid pendidikan khas bagi mewakili populasi 68 orang ibu bapa murid pendidikan khas di Simpang Renggam. Hasil dapatan kajian menunjukkan ibu bapa yang mempunyai hubungan amalan kolaborasi yang baik dengan pendidikan khas dapat membantu pembelajaran murid-murid khas. Dalam analisis kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara masalah ibu bapa dengan pendidikan anak mereka. Pekali korelasi $r = -.023$ adalah signifikan pada aras kurang daripada 0.05 ($r = -.023$, $p < .05$). Antara lain mendapati bahawa masalah keluarga tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penglibatan ibu bapa iaitu dengan nilai $r=0.012$ dan $p=0.136$. Hasil daripada dapatan temu bual menunjukkan bahawa ibu bapa yang mempunyai masalah keluarga menyukarkan mereka melibatkan diri dengan aktiviti pendidikan khas dan aktiviti yang dibentukkan oleh guru memerlukan belanja yang tinggi untuk membolehkan ibu bapa terlibat. Antara lainnya pula ibu bapa menganggap aktiviti yang dilaksanakan oleh guru tidak sesuai dengan tahap kemampuan anak mereka.

Kata kunci: pendidikan khas, kolaborasi, hubungan ibu bapa dengan pendidikan khas, pendidikan khas.

Abstract: This study was aimed to see parental collaboration practices in special education programs at Simpang Renggam, Kluang. This study is a study of mixed-method. Survey is used in quantitative study and interview is used for qualitative study. The questionnaire and interview questions were taken from the family relationship with the school (Family-School Relationships Survey guide). This study is divided into 8 parts. 1) parental involvement, 2) appropriate school Form, 3) family support, 4) effectiveness in family, 5) behavior during study, 6) Barrier to communication, 7) other perspective, and 8) background Questions. The respondents of the study are 40 parents of special education students to represent a population of 68 people parents of special education students in Simpang Renggam. Outcome studies show parents with good collaboration practices relationship with special education can help students learning the special. In the analysis the study found there was a significant relationship between the problems of parents with their child's education. Coefficient of correlation $r = -.023$ is significant at levels less than 0.05 ($r = -.023$, $p < .05$). Among others, found that family problems do not have a significant relationship with the level of parental involvement that is the value of $r = 0.012$ and $p = 0.136$. As a result of the findings of the interview indicating that parents with family problems makes it difficult for those involved with special education activities and activities created by teachers require high expenses to enable the parents involved. Among others, on the other hand parents consider activities carried out by the teacher does not fit with their child's ability level.

Keywords: inclusive education, collaboration, parent-teacher interactions, spacial education.

PENDAHULUAN

Hubungan kolaborasi di antara ibu bapa dengan pendidikan khas adalah amat penting dalam membentuk pendidikan dan membantu dalam pendidikan murid khas. Kerjasama yang berlaku di antara ibu bapa dan sekolah dapat membantu dalam pendidikan, pembentukan dan kesihatan kanak-kanak (Epstein 2011). Kajian ini dibentuk daripada model Epstein (2011), di mana model ini menerangkan hubungan ibu bapa dengan sekolah bagi membantu dalam pendidikan anak mereka serta merujuk kepada

kerangka konsep yang diambil daripada kerangka konseptual intervensi awal, kerjasama ibu bapa terhadap murid Autisme Syndrome Disorder (ASD).

Dalam kerangka konsep intervensi awal, kerjasama ibu bapa terhadap murid Autisme Syndrome Disorder (ASD) terdapat tiga tahap dalam mewujudkan hubungan ibu bapa dengan pendidikan khas. Fasa 1 adalah tahap mendapatkan peluang kepada ibu bapa, Fasa 2 adalah menjalin hubungan ibu bapa dengan pendidikan khas, dan fasa 3 adalah kuasa ibu bapa membuat keputusan.

FASA 1: Mendapatkan peluang kepada ibu bapa (Parent Enabliment).

Pada tahap ini, peluang yang terbina untuk ibu bapa mendapatkan maklumat, intervensi, terapi dan pendidikan yang sesuai dalam membantu perkembangan anak mereka di peroleh dengan adanya hubungan dengan golongan profesional.

FASA 2: Menjalinkan hubungan ibu bapa dengan kelas pendidikan khas (Parent Engagement).

Pada tahap ini, ibu bapa membantu dalam menjayakan sesuatu program di sekolah yang melibatkan anak mereka sama ada program kecil di sekolah atau pun program besar di luar sekolah.

FASA 3: Kuasa ibu bapa membuat keputusan (Parent Empowerment).

Pada tahap ini, ibu bapa diberi kuasa bersama-sama dalam membuat keputusan yang akan diputuskan dalam kelas pendidikan khas. Perjumpaan dan mesyuarat yang dilakukan dengan adanya kehadiran ibu bapa dapat membantu dalam membuat keputusan yang tepat tentang program yang sesuai dan aktiviti yang sesuai untuk diwujudkan bagi membantu pembelajaran anak mereka.

Model Epstians

Menurut Model EPSTIANS (2011) terdapat enam peringkat yang boleh di ikuti oleh sekolah untuk membolehkan ibu bapa berhubung dengan pendidikan khas.

1. Kategori keibubapaan (parenting)

Ibu bapa melibatkan diri dalam meningkatkan kebolehan murid di samping memberi komitmen dalam perkembangan pembelajaran murid. Membantu ibu bapa lebih memahami anak mereka dengan maklumat yang diterima bersama.

2. Kategori komunikasi (communication)

Sekolah berhubung dengan ibu bapa mengenai program/aktiviti sekolah dan kemajuan murid melalui komunikasi yang berkesan Ia juga termasuk komunikasi dua hala yang berlaku dari semasa ke semasa antara sekolah dengan ibu bapa/komuniti

3. Kategori kesukarelawanan (volunterism)

Sekolah mengelolakan bantuan ibu bapa di sekolah, termasuk semua aktiviti kesukarelawanan yang berlaku dalam bilik darjah dan persekitaran sekolah mahupun aktiviti di sekolah (school environment)

4. Kategori pembelajaran di rumah (learning at home)

Sekolah membekalkan idea kepada ibu bapa untuk membantu anak-anak mereka dalam pembelajaran di rumah.

5. Kategori membuat keputusan (decision making)

Ibu bapa menjadi sebahagian daripada ahli jawatankuasa persatuan di sekolah dan membantu dalam membuat keputusan aktiviti dan penyebaran maklumat kepada yang lain.

6. Kategori kolaborasi dengan komuniti

Sekolah mewujudkan kerjasama atau pakatan dengan komuniti sekitar ini perlu membawa kebaikan kepada murid dan pihak yang terlibat.

PENYATAAN MASALAH

Hubungan ibu bapa dengan sekolah sangat penting untuk membantu pembelajaran murid pendidikan khas, bukan sahaja dapat mengeratkan silaturrahim tetapi juga membantu ibu bapa mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik untuk perkembangan dan pembelajaran anak mereka. Kajian yang dilakukan oleh Arnorld Chee Keong Chua (2015) menunjukkan bahawa ibu bapa yang bekerjasama dengan golongan profesional dalam bidang pendidikan khas dapat membantu dalam perkembangan kanak-kanak pendidikan khas. ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Peter J. McCarthy, Liran Brennam dan Karen Vecchiarello (2011) menyatakan penglibatan ibu bapa dengan sekolah dapat membantu meningkatkan tahap pembelajaran mereka. Realiti, ibu bapa tidak atau pun kurang mengambil tahu hal pembelajaran anak mereka di sekolah. Ini dapat dilihat semasa perjumpaan mesyuarat bagi memutuskan sesuatu aktiviti atau pun program yang dijalankan oleh pendidikan khas. Terdapat di kalangan ibu bapa itu sendiri tidak membenarkan anak mereka menyertai program yang telah dibina untuk mereka. Ibu bapa melihat program ini tidak memberi apa-apa manfaat dan merasakan keselamatan anak mereka tidak terjamin sekiranya tidak bersama penjaga. Ibu bapa juga tidak yakin terhadap kemampuan anak mereka mengurus diri mereka jika tiada penjaga. Walaupun tarikan telah dibuat dengan melakukan pelbagai inisiatif seperti memberikan pendedahan tentang pendidikan khas, memaklumkan aktiviti menarik yang di bina sepanjang tahun dan sesetengah aktiviti tidak memerlukan bayaran tetapi ibu bapa masih berfikiran stereotipe.

Tujuan Kajian

Kajian ini dilakukan bagi melihat persepsi terhadap hubungan ibu bapa dengan kelas pendidikan khas di Simpang Renggam, Kluang.

Objektif Kajian

Bagi memenuhi tujuan kajian yang telah ditetapkan, beberapa objektif kajian telah dikenal pasti iaitu:

1. Melihat hubungan antara amalan kolaborasi ibu bapa dengan pendidikan khas.
2. Melihat hubungan antara masalah ibu bapa dengan pendidikan anak mereka.

METODOLOGI

Instrument soalan soal selidik dan soalan temu bual telah di ambil daripada hubungan keluarga dengan

sekolah (*Family-School Relationships Survey guide*) yang telah dibentuk oleh Dr. Hunter Gehlbach (2015). Dalam kajian ini beberapa bahagian telah diambil dan diubahsuai bagi menjawab persoalan kajian. Bahagian yang telah diambil terdiri daripada 1) Penglibatan ibu bapa (*Family Engagement*), 2) Bentuk sekolah yang sesuai (*School Fit*), 3) Sokongan keluarga (*Family Support*), 4) Keberkesanan dalam keluarga (*family efficacy*), 5) Tingkah laku semasa belajar (*Learning Behaviors*), 6) Penghalang kepada perhubungan (*Barriers to Engagement*), 7) Pandangan lain (*free responses*), dan 8) Soalan latar belakang (*Background Questions*). Terdiri daripada 45 soalan kaji selidik dan 8 soalan temu bual.

ANALISIS DATA

Responden kajian adalah diambil daripada 40 orang ibu bapa murid pendidikan khas bagi mewakili populasi 68 orang ibu bapa murid pendidikan khas di Simpang Renggam. Terdiri daripada 2 Kelas Program Pendidikan Khas Sekolah Menengah dan 4 Kelas Program Pendidikan Khas Sekolah Rendah. 25 soal selidik diberikan kepada ibu bapa Program Pendidikan Khas Sekolah Rendah yang mewakili populasi 52 orang murid dan 15 soal selidik diberikan kepada ibu bapa Program Pendidikan Khas Sekolah Menengah mewakili populasi 16 orang murid untuk menjawab soal selidik yang diberikan. Manakala sampel 3 orang ibu bapa murid pendidikan khas bagi menjawab soalan berbentuk temu bual. Sebelum kajian dijalankan perbincangan dengan guru-guru dan Pembantu Pengurusan Murid telah dilakukan dan meneliti keprihatinan ibu bapa terhadap keperluan anak mereka di kelas Pendidikan Khas. Perbincangan ini dilakukan bagi mendapatkan gambaran awal tentang penglibatan dan keprihatinan ibu bapa terhadap pendidikan anak mereka di kelas pendidikan khas.

Kaedah Analisis Data

Semua data-data yang diperoleh daripada soal selidik yang di analisis menggunakan program komputer Statistical Package For Social Science (SPSS 19). Statistik deskriptif yang digunakan termasuklah min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan bertujuan untuk mendapatkan profil ibu bapa. Analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah korelasi iaitu untuk melihat dua hubungan pemboleh ubah iaitu bersandar dan bebas. Korelasi Pearson digunakan untuk menguji adakah terdapat hubungan di antara pemboleh ubah kajian. Dalam kajian ini pengkaji melihat pemboleh ubah amalan kolaborasi ibu bapa dengan pendidikan khas. Bagi mendapatkan hasil tambahan, terdapat data yang di ambil secara temu bual dengan ibu bapa untuk mendapatkan punca, akibat dan penyelesaian masalah yang dihadapi.

DAPATAN KAJIAN

Analisis Kebolehpercayaan

Analisis kebolehpercayaan membolehkan pengkaji menentukan tahap kebolehpercayaan sesuatu skala pengukuran yang terdiri daripada bahagian A (penglibatan ibu bapa), bahagian B (pendidikan yang sesuai), bahagian C (sokongan keluarga), bahagian D (keberkesanan kekeluargaan), bahagian E (tingkah laku semasa belajar), dan bahagian F (penghalang kepada kolaborasi). Model kebolehpercayaan yang digunakan dalam kajian ini ialah Alpha Cronbach. Nilai alpha yang sesuai dan boleh dipercayai ialah >0.5 . Dalam kajian ini nilai alpha ialah 0.7 mempunyai nilai ketekalan yang tinggi untuk mengukur instrumen kajian.

Analisis latar belakang responden

Analisis kekerapan digunakan untuk menyediakan statistik deskriptif dan paparan jadual yang berguna untuk menghuraikan pelbagai jenis pemboleh ubah. Pengkaji dapat mengetahui bilangan ibu dan bapa yang menjawab soalan kajian. Peratusan ibu ialah 80 peratus manakala peratus bagi bapa yang menjawab soal selidik ini sebanyak 20 peratus. Ini menggambarkan bahawa golongan ibu lebih ramai melebihi bapa yang menjawab soal selidik.

Pendapatan Ibu Bapa

Dari segi pendapatan, dibahagikan kepada empat kategori iaitu bawah RM1000, antara RM1001 hingga RM2000, RM2001 hingga RM3000 dan RM3000 ke atas. Pendapatan ini dikira berdasarkan kepada pendapatan ibu bapa sebulan. Kategori pendapatan yang paling tinggi ialah antara RM2001 hingga RM3000. Manakala kategori yang paling rendah ialah bawah RM1000. Ini menunjukkan bahawa taraf pendapatan ibu bapa berada di tahap sederhana. Dari segi umur responden dibahagikan kepada empat kategori iaitu berumur bawah 30 tahun, 31 tahun hingga 40 tahun, 41 tahun hingga 50 tahun, 51 tahun ke atas. Ini menunjukkan ibu bapa murid pendidikan khas dalam lingkungan umur 31 hingga 41 tahun.

Analisis latar belakang responden

Analisis kekerapan digunakan untuk menyediakan statistik deskriptif dan paparan jadual yang berguna untuk menghuraikan pelbagai jenis pemboleh ubah. Pengkaji dapat mengetahui bilangan ibu dan bapa yang menjawab soalan kajian. Peratusan ibu ialah 80 peratus manakala peratus bagi bapa yang menjawab soal selidik ini sebanyak 20 peratus. Ini menggambarkan bahawa golongan ibu lebih ramai melebihi bapa yang menjawab soal selidik.

Melihat hubungan antara amalan kolaborasi ibu bapa dengan pendidikan khas.

Hasil kajian mendapati ibu bapa yang mempunyai hubungan amalan kolaborasi yang baik dengan pendidikan khas dapat membantu pembelajaran murid-murid khas. Dalam analisis kajian mendapati

terdapat hubungan yang signifikan antara masalah ibu bapa dengan pendidikan anak mereka. pekali korelasi $r = -.023$ adalah signifikan pada aras kurang daripada 0.05 ($r = -.023, p < .05$). keputusan ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Abidah Binti Abd Rahman 2014, mendapati bahawa walaupun tahap penglibatan ibu bapa secara keseluruhannya adalah tinggi namun terdapat beberapa jenis amalan yang kurang diamalkan oleh ibu bapa dalam pelaksanaan RPI anak mereka.

Melihat hubungan antara masalah ibu bapa dengan pendidikan anak mereka.

Kajian ini juga mendapati bahawa masalah keluarga tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penglibatan ibu bapa iaitu dengan nilai $r=0.012$ dan $p=0.136$. Keputusan ini bersesuaian dengan kajian yang telah dijalankan oleh Anuar Ahmad dan Norhaidawati Mohd Noor (2010) menunjukkan bahawa persekitaran keluarga seperti penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak mereka. Abd. Razak Zakaria & Norani Mohd Salleh (2012) yang mendapati penglibatan ibu bapa dalam pendidikan ketika anak-anak di sekolah menengah bukan faktor utama anak-anak mereka berjaya dalam pelajaran.

Sebagai nilai tambah, dapatan temu bual ke atas empat orang ibu bapa pendidikan khas yang terpilih telah diambil untuk mengetengahkan beberapa masalah-masalah lain yang boleh menjadi punca kepada halangan kolaborasi dalam pendidikan khas. Puan Nur Khurul Ain Binti ABD Samad 32 tahun menyatakan bahawa:

“ Kadang-kadang aktiviti yang cikgu bentuk tak sesuai dengan kebolehan anak saya, anak saya tak boleh nak ikut aktiviti tersebut sebab kekurangan dia ”

Murid pendidikan khas mempunyai pelbagai keupayaan dan tahap kognitif yang berbeza, halangan yang diutarakan menjadi punca mengapa ibu bapa melihat aktiviti di pendidikan khas tidak mengikut kemampuan mereka.

Menurut beliau lagi:

“Program yang cikgu bentuk adakalanya memerlukan belanja yang besar contohnya melancong ke Pulau Pinang, kami ibu bapa yang terpaksa sertai kena keluaran belanja lebih”

Program dalaman dan program luaran dibentuk untuk memberi peluang kepada murid pendidikan khas merasai aktiviti di luar dan di dalam bilik darjah. Ini bergantung kepada tempat yang dituju, oleh itu penyebab ini memungkinan juga ibu bapa berasa perbelanjaan untuk anak mereka meningkat kerana ada sesetengah aktiviti yang menjemput ibu bapa turut serta bersama.

Hal lain yang boleh menjadi penyebab kepada masalah kolaborasi dalam pendidikan khas adalah

masalah keluarga. Penceraian dan penjaga terpaksa mencari alternatif untuk menyara keluarga serta tempat perlindungan menjadi satu sebab mengapa kolaborasi ini tidak berlaku. Seperti yang telah dinyatakan oleh Puan Hasnah Binti Hassim 46 tahun dalam temu bual,

“Haiqal dengan mak dia duduk dengan saya lepas mak dia berpisah, mak dia kerja, saya pula tak kerja, Macam saya, saya terpaksa menyara anak saya dengan duit pencen yang ada, jadi nak ikutkan masalah kewangan tu satu penyebab jugalah”

Dari segi keberkesanan pembelajaran atau maklumat untuk dikongsi bersama, pendapat Puan Rahayu Binti Kusmin 40 tahun menyatakan;

“ Kami selalu bertukar pandangan sekiranya ada rawatan-rawatan yang boleh dikongsi bersama, cikgu selalu membantu dan sekiranya ada aktiviti atau kursus berkaitan pendidikan khas cikgu akan letak dalam whatsapp dan facebook, tu terpulang kepada ibu bapa nak pergi atau pun tidak”.

Dari pernyataan ini menandakan bahawa maklumat yang dikongsi bersama oleh ibu bapa dan guru boleh digunakan bersama. Perkongsian ini dapat membantu perkembangan dan pendidikan murid pendidikan khas dan memberi pengetahuan kepada ibu bapa dalam membantu anak murid pendidikan khas selepas waktu sekolah.

En Zakariah Bin Togimin 43 tahun pula menyatakan:

“mungkin sebab kelas kecil, jadi banyak aktiviti yang cikgu tak libatkan ibu bapa, dan tak banyak aktiviti yang cikgu bentuk”

Faktor lain yang boleh menyebabkan kolaborasi ibu bapa dalam pendidikan khas adalah disebabkan kelas pendidikan khas yang mempunyai bilangan murid yang sedikit, banyak aktiviti yang guru bentuk tidak melibatkan ibu bapa.

Hasil daripada dapatan temu bual menunjukkan bahawa ibu bapa yang mempunyai masalah keluarga menyukarkan mereka melibatkan diri dengan aktiviti pendidikan khas dan aktiviti yang dibentuk oleh guru memerlukan belanja yang tinggi untuk membolehkan ibu bapa terlibat. Antara lainnya pula ibu bapa menganggap aktiviti yang dilaksanakan oleh guru tidak sesuai dengan tahap kemampuan anak mereka.

Penyelesaian Masalah

Penyelesaian masalah yang boleh membantu dalam membentuk amalan kolaborasi ini adalah pihak pendidikan khas perlulah sentiasa memberikan maklumat kepada ibu bapa tentang program dan aktiviti yang dijalankan serta membantu ibu bapa mendapatkan maklumat dari masa ke semasa yang boleh membantu pendidikan murid Pendidikan Khas. Antara lainnya guru perlulah lebih kreatif dalam menyediakan aktiviti yang

sesuai dengan kemampuan serta kognitif mereka. Guru perlu memaksimalkan aktiviti yang boleh menarik minat ibu bapa melibatkan diri. Contohnya aktiviti dalaman seperti sukaneka, Kempori Pendidikan Khas, Program keusahawanan, program urus diri dan sebagainya.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, masalah yang utama amalan kolaborasi ibu bapa dalam pendidikan khas tidak dapat dijalankan dengan sempurna kerana terdapat ibu bapa yang tidak mempunyai masa melawat anak mereka di pendidikan khas, disebabkan oleh masalah keluarga itu sendiri dan kurangnya kesedaran untuk bersama-sama membantu dalam pendidikan anak mereka. Antara lain pula kekurangan maklumat mengenai kursus yang sesuai menjadikan ibu bapa tidak membawa anak mereka menyertai aktiviti atau rawatan susulan selepas ke sekolah menengah. Kelas pendidikan khas yang kecil juga menyebabkan ibu bapa tidak dapat melibatkan diri, ini kerana guru tidak membentuk aktiviti yang memerlukan penglibatan ibu bapa. Masalah lain yang timbul adalah kesedaran ibu bapa untuk membuat keputusan bersama semasa mesyuarat yang diadakan. Ibu bapa belum mempunyai kesedaran untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat pendidikan khas untuk memutuskan sesuatu aktiviti dalam pendidikan khas.

Rujukan

Muhammad Faizal A. Ghani, 2013, Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional: perspektif pemimpin sekolah cemerlang negara maju, Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik, 1:3

Michel Fullan, 2011, Whole System Reform for Innovative Teaching and Learning, http://michaelfullan.ca/wp-content/uploads/2016/06/Untitled_Document_5.pdf

Abdullah, H. & Ainon, M. (2002). Kemahiran Interpersonal untuk Guru. PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.

Epstein, J. L. (2011). School, family, and community partnerships: Preparing educators and improving schools (2nd ed.). Philadelphia, PA: Westview Press.

Abdul Rani Md. Zin, Ahmad Fadzli dan Tajul Ariffin (1998). Collaborative School Management Cycle ialah suatu model pengurusan sekolah berkesan: Ciri-ciri dan pelaksanaan, Wawasan, 34-48.

Asmah Ahmas, (1998). Collaborative Management and School Effectiveness in Malaysian Primary School, tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, University of Hull.

Brown, M. dan Boyle, B., (1999). Communications between perceptions and practice in model of school decision making in North West of England, School Leadership & Management, August 1999, 19(3):319, 12.

Caldwell, B.J. dan Spinks, J. M. (1988). The Self Managing School, East Sussex, UK: The Falmer Press.

Arnold Chee Keong Chua, 2015, A Triple-E Framework on Parental Involvement of Children with Autism Spectrum Disorder in Early Intervention, International Journal of Multidisciplinary Research and Development, 2:9

Abidah Binti Abd Rahman, 2014, Penglibatan Ibu bapa dalam pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu RPI Murid Berkeperluan Khas, Jurnal Pendidikan, 1:25

Abd. Razak Zakaria & Norani Mohd Salleh, 2012, Konteks Keluarga dan Hubungannya dengan Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak-anak di Sekolah Menengah, Jurnal Pendidikan, 36(1): 35-44.

Anuar Ahmad dan Norhaidawati Mohd Noor, 2010, Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Pendidikan Anak-anak Jalanan Di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur, Jurnal Pendidikan.

Muhammad Faizal A. Ghani, 2013, Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional: perspektif pemimpin sekolah cemerlang negara maju, Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik, 1:3

Michel Fullan, 2011, Whole System Reform for Innovative Teaching and Learning, http://michaelfullan.ca/wp-content/uploads/2016/06/Untitled_Document_5.pdf

Abdullah, H. & Ainon, M. (2002). Kemahiran Interpersonal untuk Guru. PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.

Abdul Rani Md. Zin, Ahmad Fadzli dan Tajul Ariffin (1998). Collaborative School Management Cycle ialah suatu model pengurusan sekolah berkesan: Ciri-ciri dan pelaksanaan, Wawasan, 34-48.

Asmah Ahmas, (1998). Collaborative Management and School Effectiveness in Malaysian Primary School, tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, University of Hull.

Brown, M. dan Boyle, B., (1999). Communications between perceptions and practice in model of school decision making in North West of England, School Leadership & Management, August 1999, 19(3):319, 12.

Caldwell, B.J. dan Spinks, J. M. (1988). The Self Managing School, East Sussex, UK: The Falmer Press.

Gardner, C. R. (1983). Motivational Variables In Second Languages Acquisition.

Zulkiffli Abdul Aziz, (2000). Persepsi Guru-guru Terhadap Budaya Kerja Berpasukan di Sekolah Menengah Teknik dalam Daerah Alor Setar, Kedah Darul Aman (satu tinjauan), Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.

Peter J. McCarthy, Liran Brennan dan Karen Vecchiarello. 2011. Parent- School Communication in the Inclusive Classroom: A Comprehensive Model of Collaboration in Education. *International Journal of Humanities and Social Science*. 1:15

Jennifer A. Mautone, Elizabeth K. Lefler dan Thomas J. Power. 2011. Promoting Family and Success for Children With ADHD: Strengthening Relationships While Buiding Skills. *HHS Public Access*. 50(1):43-51

Fasina dan F. Fagbeminiyi. 2011. The Role of Parents in Early Childhood Education: A Case Study of Ikeja, Lagos State Nigeria. *Global Journals Inc. (USA)*. 11:2

Elizabeth A. Mellin, Elise E. Belknap, Ian L. Brodie dan Kristen Sholes. 2015. Opening School Doors to Communities and Families: A Social Capital Perspective for Multparty Collaboration. *Journal for Social Action in Counseling and Psychology*. 7:1

Michelle Ellis, Graeme Lock dan Geoff Lummis. 2015. Parent-Teacher Interactions: Engaging with Parents and Carers. 40:5

Beth A. Jones. 2012. Fostering Collaboration in Inclusive Settings: The Special Education Students at a Glance Approach. *Journals Permissions*. nav. 47(5):297

Peggy Dettmer, Linda P. Thurston dan Norma J. Dyck. 2005. Consultation, Collaboration and Teamwork For Students With Special Needs. 5:8